

UMS, Universitas Slamet Riyadi meterai LoI kolaboratif pelbagai bidang

UB 06.07.2023 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani Surat Hasrat (LoI) bersama Universitas Slamet Riyadi (UNISRI) Surakarta Indonesia bagi memeterai kolaborasi pelbagai bidang antara kedua-dua pihak.

LoI berkenaan ditandatangani dalam satu acara yang berlangsung di UNISRI sempena dengan ulang tahun ke-43 universiti itu baru-baru ini.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor mewakili UMS menandatangani dokumen LoI itu, manakala UNISRI diwakili oleh Rektor UNISRI Prof. Dr Drs Sutoyo.

Menerusi LoI itu, kedua-dua universiti akan bekerjasama dalam pelbagai bidang akademik menerusi aktiviti-aktiviti seperti pertukaran idea, maklumat dan bahan ilmiah; kolaboratif dalam projek penyelidikan, penerbitan dan pengajaran; pertukaran pelajar melalui rancangan biasiswa dan latihan amali; dan meneroka pembiayaan bagi projek yang



PENGIFTIRAFAN: Kasim (kiri) bersama Sutoyo selepas menandatangani dokumen LoI.

mampu memberi manfaat bersama antara kedua-dua universiti.

Kedua-dua pihak juga komited untuk kolaboratif berkenaan disusuli dengan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai memperkuatkan lagi kerjasama bagi penyelidikan, latihan dan perkongsian akademik antara kedua-dua

pihak.

Turut hadir pada majlis itu Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal.

Terdahulu, Geoffrey turut menerima undangan sebagai penceramah jemputan di Fakulti Ekonomi UNISRI.

Beliau menyampaikan ceramah bertajuk 'Pemasaran

Digital dan Pengurusan Kos untuk Meningkatkan Prestasi Syarikat' di hadapan seramai 87 orang yang hadir termasuk Dekan Fakulti Ekonomi UNISRI Dr Aris Eddy Sarwono, Ketua Program Perakaunan Dr Rispantyo; Ketua Program Pengurusan Lamidi dan Pensyarah Program Pengurusan Dr Marjam Desma Rahadhini.



KENANGAN: Geoffrey merakamkan gambar bersama barisan ahli akademik dan pelajar Fakulti Ekonomi UNISRI.